

**SOALAN-SOALAN LISANYANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020**

YB TUAN HAJI ABD TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)

SOALAN 16 (A28)

Nyatakan usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri bagi menyuburkan pemahaman dan penghayatan terhadap Rukun Negara dalam kalangan pelajar.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

Amalan dan penghayatan prinsip-prinsip Rukun Negara dalam kalangan pelajar sentiasa berlaku sama ada semasa Pelajaran dan Pembelajaran ataupun kokurikulum.

Salah satu contohnya ialah Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan Kerajaan Negeri Johor telah bekerjasama melalui rakan strategik pendidikan seperti Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Johor menganjurkan beberapa pertandingan pada tahun 2020 antaranya ialah:

- a. Pertandingan Kreativiti Kibar Jalur Gemilang sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan Malaysia Prihatin.
- b. Penulisan Esei Patriotisme dan Pertandingan Galeri Sejarah Peringkat Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah yang berfokuskan kepada penyuburan dan penghayatan Rukun Negara.
- c. Pelancaran sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat sekolah-sekolah Negeri Johor

Seterusnya, terdapat aktiviti Kokurikulum di setiap sekolah pada setiap hari Rabu melalui aktiviti Kelab Rukun Negara dan Persatuan Sejarah Sekolah.

Jabatan Pendidikan Negeri Johor juga menyediakan modul yang dinamakan Modul Karakter Murid Johor (KrMJ) Bidang Akademik yang digunakan dalam menyerapkan elemen-elemen teras prinsip Rukun Negara dan jati diri Johor melalui aktiviti Pelajaran dan Pembelajaran bagi mata pelajaran yang bersesuaian seperti Sejarah, Bahasa Melayu, Pendidikan Moral, Sivik dan Kewarganegaraan.

Akhir sekali, penglibatan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM) dan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) di sekolah juga memberi motivasi dan sesi ceramah secara berterusan semasa perhimpunan sekolah kepada pelajar bagi tujuan pengukuhan dan penghayatan Rukun Negara.

**SOALAN-SOALAN LISANYANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020**

YB PUAN HAJAH NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)

SOALAN 17 (A213)

Susulan pengumuman pemberian bantuan peralatan kepada ibu tunggal dan wanita yang hilang sumber pendapatan akibat pandemik Covid-19, sejauh manakah bantuan ini berkesan membantu mereka sedangkan bantuan modal dan tunai segera yang diperlukan berbanding bantuan peralatan yang bersifat jangka panjang ini?

JAWAPAN YB PUAN ZAITON BINTI ISMAIL

Tidak dinafikan bahawa bantuan modal dan tunai amat diperlukan dalam situasi covid-19 sekarang ini. Kita juga sedia maklum bahawa pelbagai jabatan dan agensi juga turut menjalankan program-program bantuan seumpama itu. Bagi bantuan tunai dan modal golongan sasar boleh merujuk kepada PUJB, MARA, SME Bank, TEKUN dan lain-lain agensi yang menawarkan bantuan modal kepada usahawan dan peniaga wanita. Namun YPKDT melihat bahawa bantuan bersifat jangka panjang yang lebih memberikan pulangan stabil untuk kehidupan mereka terutama golongan wanita yang berniaga secara *home-based*. Ini kerana diwaktu Covid-19 ini, permintaan terhadap barangan keperluan makanan dan belian atas talian amat menggalakkan.

Skim Bantuan Peralatan Perniagaan (SKIPP) merupakan projek menjana pendapatan sejak 2003 yang telah diberikan kepada seramai 797 pengusaha kecil wanita dan home-based business sehingga kini. Melalui kajian keberkesanan yang dijalankan kepada 41 orang penerima Skim Bantuan Peralatan Perniagaan bagi tahun 2019, 14 penerima telah menunjukkan lebih 100% peningkatan pendapatan, manakala 20 penerima menunjukkan 50% peningkatan pendapatan.

Bagi tahun 2020, seramai 120 orang golongan sasar telah menerima manfaat. Dijangka peningkatan pendapatan mereka akan meningkat antara 50% sehingga 100% daripada pendapatan asal dengan pelbagai cara dan sistem sokongan yang YPKDT sediakan seperti JoPac pemasaran online, Jualan Bazar Suri dan pelbagai platform yang lain.

**SOALAN-SOALAN LISANYANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020**

YB DATO' IR SYED SIS BIN SYED ABDUL RAHMAN (TANJUNG SURAT)
SOALAN 18 (A42)

Adakah benar Jeti Tanjung Pengelih di Pengerang akan ditutup selepas Jeti di Desaru Coast mula beroperasi tahun hadapan?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Jeti Penumpang Tanjung Pengelih yang juga dikenali sebagai Kompleks Jeti Penumpang atau Marina Awam Tg Pengelih merupakan kompleks milik Jabatan Laut Malaysia yang menyediakan kemudahan awam seperti perkhidmatan pengangkutan melalui laut bagi laluan ke Batam, Indonesia dan ke Changi, Singapura dengan menggunakan perkhidmatan bot berlesen sediada. Antara jabatan lain yang turut memberi kemudahan disekitar Jeti Penumpang tersebut adalah Pejabat Imigresen, Kastam, Polis, Kesihatan, Pertanian dan Tourism Informatin Center (TIC).

Berikut adalah statistik penumpang di Jeti Penumpang Tanjung Pengelih bagi tempoh 3 tahun 2018 sehingga 2020:

	2018		2019		2020	
	Keluar	Masuk	Keluar	Masuk	Keluar	Masuk
Jumlah penumpang	14,851	52,306	9,550	38,355	73	73
Jumlah =	67,157		47,905		146	

Jeti Penumpang Tanjung Pengelih akan tetap terus beroperasi walaupun Desaru Coast Ferry Terminal telah dibuka dan beroperasi pada masa akan datang. Setakat ini, tiada perancangan bagi menutup pengoperasian Jeti Penumpang Tanjung Pengelih.

Berdasarkan laporan Marine Risk Assessment (MRA) Desaru Coast Ferry Terminal, Jeti Penumpang Tanjung Pengelih akan dijadikan sebagai laluan alternatif sekiranya cuaca dan keadaan laut berada pada paras tidak selamat untuk meneruskan perjalanan feri ke Desaru Coast Ferry Terminal.

Pada dasarnya jarak melalui laut antara Tanah Merah Ferry Terminal (TMFT) ke Desaru Coast Terminal Ferry adalah lebih kurang 30.5 batu nautika dan agak jauh berbanding dari Tanah Merah Ferry Terminal (TMFT) ke Jeti Penumpang Tanjung Pengelih lebih kurang 13.8 batu nautika. Walaubagaimanapun, ia akan mengambil masa yang lebih panjang sekiranya menggunakan laluan darat dari Jeti Penumpang Tanjung Pengelih berbanding menggunakan laluan darat dari Desaru Coast Ferry Terminal.

Desaru Coast Ferry Terminal yang dijangka siap pada bulan Jun 2021 akan dilengkapi dengan Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (CIQ). Terminal ini akan

**SOALAN-SOALAN LISANYANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020**

menghubungkan Johor dengan Tanah Merah Ferry Terminal, Singapura dan juga pada masa hadapan ada cadangan untuk membuka laluan ke kepulauan Bintan dan Batam di Indonesia.

Bagaimanapun, pembukaan Desaru Coast Ferry Terminal tidak menjejaskan operasi Jeti Penumpang Tanjung Pengelih kerana Jeti Penumpang Tanjung Pengelih menjalankan perkhidmatan bagi laluan yang berbeza.

**SOALAN-SOALAN LISANYANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020**

YB DATO' HAJI OSMAN BIN HAJI SAPIAN (KEMPAS)

SOALAN 19 (A3)

Nyatakan perolehan pungutan cukai dan hasil-hasil lain bagi Majlis Bandaraya Johor Bahru serta perbelanjaannya.

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Jumlah Kutipan Hasil dan Jumlah Perbelanjaan bagi Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) sehingga 31 Oktober 2020 adalah sebagaimana perincian berikut :

BUTIRAN	JUMLAH (RM)
<u>HASIL</u>	
HASIL CUKAI	276,809,412.00
HASIL BUKAN CUKAI	47,901,376.00
TERIMAAN BUKAN HASIL	30,561,863.00
JUMLAH KESELURUHAN HASIL	355,272,651.00
<u>PERBELANJAAN MENGURUS</u>	
EMOLUMEN	61,579,816.00
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	89,240,456.00
PEMILIKAN HARTA MODAL	1,568,072.00
PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP	4,525,786.00
LAIN-LAIN PERBELANJAAN	1,059,404.00
JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS	157,973,534.00
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN	139,729,128.00
JUMLAH KESELURUHAN PERBELANJAAN	297,702,662.00

**SOALAN-SOALAN LISANYANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020**

Perbandingan Prestasi Kutipan Hasil dan Jumlah Perbelanjaan Bagi Tahun 2019 dan 2020 adalah sebagaimana berikut :

BUTIRAN	TAHUN 2019			TAHUN 2020		PRESTASI
	ANGGARAN	SEBENAR	PRESTASI	ANGGARAN	SEBENAR	
	(RM)	(RM)	%	(RM)	(RM)	
<u>HASIL</u>						
HASIL CUKAI	272,457,127.00	309,059,731.79	113%	306,242,110.84	276,809,412.00	90%
HASIL BUKAN CUKAI	124,177,800.00	105,940,403.89	85%	126,032,800.00	47,901,376.00	38%
TERIMAAN BUKAN HASIL	32,891,000.00	28,990,327.02	88%	38,091,000.00	30,561,863.00	80%
JUMLAH KESELURUHAN HASIL	429,525,927.00	443,990,462.70	103%	470,365,910.84	355,272,651.00	76%
<u>PERBELANJAAN MENGURUS</u>						
EMOLUMEN	76,489,296.58	75,032,587.13	98%	74,054,775.47	61,579,816.00	83%
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	167,452,878.84	152,265,769.63	91%	180,085,805.83	89,240,456.00	50%
PEMILIKAN HARTA MODAL	2,782,314.76	2,156,591.80	78%	3,168,665.76	1,568,072.00	49%
PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP	6,669,336.32	4,784,998.00	72%	8,169,336.32	4,525,786.00	55%
LAIN-LAIN PERBELANJAAN	3,298,788.01	1,516,191.35	46%	4,298,788.02	1,059,404.00	25%
JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS	256,692,614.51	235,756,137.91	92%	269,777,371.40	157,973,534.00	59%
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN	172,106,000.00	154,669,958.68	90%	200,280,000.00	139,729,128.00	70%
JUMLAH KESELURUHAN PERBELANJAAN	428,798,614.51	390,426,096.59	91%	470,057,371.40	297,702,662.00	63%

**SOALAN-SOALAN LISANYANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020**

Berdasarkan perbandingan antara prestasi tahun 2019 hingga 31 Oktober 2020, terdapat penurunan prestasi kutipan hasil bukan cukai yang ketara di bawah Hasil Bukan Cukai dengan prestasi kutipan adalah 38% iaitu RM 47,901,376.00 berbanding anggaran iaitu RM 126,032,800.00. Hal ini adalah disebabkan pengumuman kerajaan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi yang mengecualikan bayaran lesen penjaja, bayaran sewa premis, gerai dan tapak pasar pagi dan malam bagi membantu peniaga-peniaga yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19.

Bagi prestasi perbelanjaan mengurus, terdapat penurunan perbelanjaan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan dengan prestasi perbelanjaan sebanyak 50% serta pemilikan harta modal dengan prestasi perbelanjaan adalah 49%. Penurunan prestasi perbelanjaan ini adalah disebabkan perolehan tidak dapat dilaksanakan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Manakala bagi prestasi pembangunan, pencapaian adalah sederhana iaitu RM 157,973,534.00 (70%) berbanding anggaran berjumlah RM 269,777,371.40.

**SOALAN-SOALAN LISANYANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020**

YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPPIAH (BEKOK)
SOALAN 20 (A14)

Jumlah pelaburan yang terkumpul dari tahun 2006 hingga Jun 2020 untuk Projek Iskandar Malaysia adalah berjumlah RM322.1 bilion. Saya ingin mendapatkan maklumat terperinci mengenai syarikat-syarikat yang terlibat dan jumlah pelaburan yang dibuat oleh setiap syarikat.

JAWAPAN YB DATUK MOHD IZHAR BIN AHMAD

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Bekok, mengenai butiran maklumat berkaitan jumlah pelaburan RM 332.11 bilion yang terkumpul di kawasan Iskandar Malaysia dari tahun 2006 sehingga Jun 2020. Berikut adalah pecahan sektor atau kategori bagi pelaburan tersebut :

BIL	SEKTOR/KATEGORI	JUMLAH PELABURAN
1.	Pembangunan Bercampur	RM 96.40 billion
2.	Pengilangan	RM 79.61 billion
3.	Perumahan	RM 71.05 billion
4.	Industri	RM 19.84 billion
5.	Kerajaan	RM 17.53 billion
6.	Utiliti	RM 12.97 billion
7.	Logistik	RM 11.06 billion
8.	Pelancongan	RM 8.98 billion
9.	Kesihatan	RM 4.11 billion
10.	Pendidikan	RM 3.29 billion
11.	Teknologi yang baru	RM 2.74 billion
12.	Kewangan	RM 2.85 billion
13.	Kreatif	RM 1.65 billion
14.	Lain-lain	RM 0.03 billion
JUMLAH KESELURUHAN PELABURAN		RM 332.11

Yang Berhormat Bekok, berkenaan maklumat terperinci mengenai syarikat-syarikat yang terlibat, saya mohon maaf atas sebab ianya tidak dapat disenarai dan dikongsikan kerana terikat dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan pindaannya 1986.

**SOALAN-SOALAN LISANYANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020**

YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)
SOALAN 21 (A158)

Berapakah kos bagi kaedah pelaksanaan projek-projek Kecil secara gotong-royong bagi pemotongan rumput di kawasan rizab JPS di bawah pentadbiran kerajaan Perikatan Nasional?

JAWAPAN YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI

Satu kertas kerja telah disediakan bersama antara Pejabat Pegawai Kewangan Negeri (PKN) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) berkaitan kaedah pelaksanaan projek-projek kecil secara gotong-royong bagi pemotongan rumput di kawasan rizab JPS.

Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada 12 Feb 2020 telah bersetuju agar kos bagi kaedah pelaksanaan projek secara gotong-royong ialah seperti berikut:

- i. Kerja di tepi tebing saluran (parit) dan tempat-tempat tidak mempunyai permukaan air ialah RM 0.60 (60 sen) bagi setiap satu meter persegi.
- ii. Kerja di dalam saluran dan tempat-tempat yang mempunyai air ialah RM1.00 bagi setiap satu meter persegi.

Prosedur Kerja Gotong-Royong ialah berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan - Perolehan Kerajaan (PK) 2.1. Keputusan ini yang dibuat semasa pemerintahan Pakatan Harapan dan masih lagi digunapakai oleh kerajaan sekarang.

**SOALAN-SOALAN LISANYANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020**

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 22 (A97)

Minta perincian jumlah aduan, hasil penilaian serta tindakan Kerajaan Negeri berhubung kejadian tanah runtuh di kawasan kampung dan Felda yang berlaku sepanjang tahun 2020.

JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI

Pada tahun 2020 JKR telah mengangkat sebanyak 61 lokasi cerun yang dikenalpasti memerlukan kerja-kerja pembaikan. Daripada 61 lokasi ini, 18 lokasi adalah daripada Jalan Negeri dan 43 lokasi di Jalan Persekutuan.

Walau bagaimanapun permohonan lokasi diluluskan pada tahun 2020 adalah sebanyak 26 lokasi dengan peruntukan sebanyak RM13,416,282.91. Dimana ia terbahagi kepada Jalan Negeri sebanyak 2 lokasi dan 24 lokasi adalah dari Jalan Persekutuan.

Jalan dibawah Felda pula dikategorikan sebagai Jalan Persekutuan dan telah mendapat kelulusan sebanyak 14 Lokasi dengan peruntukan sebanyak RM 8,190,049.93. Ia juga dibahagikan kepada kawasan Mersing sebanyak 8 lokasi dan 6 lokasi dari Kota Tinggi.

Cawangan Kejuruteraan Cerun juga telah meluluskan sebanyak 3 lagi lokasi yang melibatkan 2 Jalan di Felda (Kota Tinggi) dan 1 lagi di Jalan Persekutuan (Kota Tinggi) dengan kos sebanyak RM 543,822.37 di bawah Pakej Ransangan Ekonomi.

(Jumlah FELDA dalam negeri Johor = 73 tanah rancangan)

**SOALAN-SOALAN LISANYANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020**

YB DATO' HAJI OSMAN BIN HAJI SAPIAN (KEMPAS)
SOALAN 23 (A2)

Berapa banyakkah masjid dan surau baru yang dapat dibina bagi tahun 2019 hingga 2020 dan anggaran kos.

JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI

Jumlah masjid dan surau yang dapat dibina (telah diserahkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Kariah Masjid dan Surau) dalam tahun 2019 hingga tahun 2020 sebagaimana berikut :

BIL	NAMA MASJID/SURAU	DAERAH	KOS PERUNTUKAN (RM)
1	Masjid Bukit Gambir	Muar	4,000,000.00
2	Masjid Irsyadiah Bt 16, Mukim Ayer Hitam	Muar	2,500,000.00
3	Masjid Hj Mohd Yasin, Pagoh	Muar	40,199,120.00
4	Masjid Taman Delima	Kluang	2,100,000.00
5	Masjid Taman Sri Kluang	Kluang	5,000,000.00
6	Masjid Taman Uda Utama	Johor Bahru	5,000,000.00
7	Masjid Daeng Abdul Rahman Taman Nusa Idaman	Johor Bahru	5,200,000.00
8	Masjid Taman Scientex Pasir Gudang	Johor Bahru	2,000,000.00
9	Masjid Habib Hassan Al Attas	Johor Bahru	5,100,000.00
10	Masjid Al Muttaqin Kg Seri Jaya	Tangkak	1,500,000.00
11	Masjid Kg Bukit Pasir, Endau	Mersing	500,000.00
12	Masjid Pt Singgahan Seri Medan	Batu Pahat	1,700,000.00
13	Masjid Taman Sri Pulau	Kulai	6,300,000.00
14	Surau Pt Hj Othman Pt Sulong	Batu Pahat	300,000.00
15	Surau Felcra Seri Mahkota Endau	Mersing	236, 980.00

Anggaran kos keseluruhan adalah **RM 81,399,120.00**

**SOALAN-SOALAN LISANYANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020**

YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)

SOALAN 24 (A114)

Apakah statistik dan kriteria pembukaan semula pasar malam dan pasar tani seluruh daerah di negeri Johor pasca PKPB yang lepas?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Sebagaimana kenyataan media Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Kanan (Keselamatan) pada 6 Jun 2020 telah memaklumkan bahawa operasi pasar yang merangkumi Pasar Terbuka/Pagi, Pasar Malam dan Bazar bermula 15 Jun 2020 tertakluk pada Kerajaan Negeri.

Sehubungan itu, Bahagian Kerajaan Tempatan telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Prosedur Operasi Standard (Sop) Pembukaan Semula Operasi Pasar Pagi Dan Pasar Malam Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor pada 10 Jun 2020 yang dipengerusikan oleh YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor bagi membincangkan dengan lebih lanjut berhubung syarat-syarat yang diperlukan bagi pengoperasian semula Pasar Pagi, Pasar Malam dan Bazar.

Hasil keputusan mesyuarat telah bersetuju untuk pembukaan semula pasar berkuatkuasa pada 15 Jun 2020 dan waktu operasi bagi Pasar Pagi dan Pasar Malam adalah mengikut tempoh masa ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Berikut adalah syarat-syarat pengoperasian Pasar Pagi dan Pasar Malam Mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP):-

- i. Lokasi perlulah di kawasan lapang atau kawasan bersesuaian yang berpagar bagi mengawal laluan keluar masuk secara sehalu
 - Menyediakan papan tanda penunjuk arah
 - Menyediakan tiang dan pita keselamatan mengikut keperluan serta kesesuaian lokasi
- ii. Jarak sosial kedudukan gerai ditetapkan pada 1.5 hingga dua meter
- iii. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu menghadkan bilangan peniaga bergantung kepada keluasan kawasan
- iv. Pendaftaran nama dan nombor telefon peniaga dan pelanggan yang memasuki kawasan perniagaan
 - Penggunaan aplikasi JejakJohor dan MySejahtera

**SOALAN-SOALAN LISANYANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020**

- v. Proses saringan suhu badan peniaga dan pelanggan (bawah 37.5⁰C) sebelum memasuki kawasan perniagaan dan direkodkan dengan baik
- vi. Menyediakan hand sanitizer untuk kegunaan peniaga dan pelanggan di pintu masuk
- vii. Peniaga dan pelanggan diwajibkan memakai face mask semasa memasuki kawasan perniagaan
- viii. Golongan berisiko seperti kanak-kanak dan warga emas tidak digalakkan / tidak dibenarkan memasuki kawasan perniagaan
- ix. Urusniaga hanya boleh dijalankan secara belian terus (take away) dan tidak membuka ruang berlakunya himpunan sosial

Statistik pembukaan pasar di kawasan PBT Negeri Johor yang telah mula beroperasi pada 15 Jun 2020 hingga kini adalah sebagaimana di bawah:-

PBT	PASAR MALAM	PASAR PAGI / SEHARI	BAZAR	PASAR TANI
MBJB	2725	951	119	Di bawah tanggungjawab FAMA
MBIP	4216	179	35	
MPM	429	100	133	
MPBP	641	328	-	
MPK	1991	157	-	
MPKU	2667	88	115	
MPPG	285	50	-	
MPS	1135	89	44	
MPP	99	-	-	
MDT	61	-	-	
MDYP	372	560	-	
MDSR	90	275	-	
MDL	245	83	-	
MDP	536	165	68	
MDKT	679	59	100	
MDM	21	22	-	
JUMLAH KESELURUHAN PENIAGA	16,192	3,106	614	-

**SOALAN-SOALAN LISANYANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020**

YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)
SOALAN 25 (A160)

Adakah Jawatankuasa Komuniti Harapan Malaysia yang telah terbubar secara rasmi 31 Julai 2020, akan digantikan dengan Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) seperti yang dibentang di peringkat kerajaan persekutuan?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

1. Komuniti Harapan Malaysia yang telah dibubarkan pada 31 Julai 2020 tiada perkaitan langsung dengan penubuhan Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) sepertimana yang telah dibentangkan di peringkat Kerajaan Persekutuan.
2. Kementerian Komunikasi Dan Multimedia (**KKMM**) sedang menambah baik komuniti yang bakal ditubuhkan bagi menjadi rakan strategik dan medium penghubung antara kerajaan dan rakyat dalam memastikan sokongan terhadap dasar dan wawasan kerajaan, gerakan komuniti perlu sentiasa berperanan aktif dan dinamik serta berupaya bertindak dengan berkesan selaras dengan dasar semasa kerajaan di peringkat anggota masyarakat.
3. Penubuhan komuniti dengan gerak kerja yang lebih bersepadu dan progresif sejajar dengan situasi dan perkembangan semasa negara merupakan suatu keperluan utama bagi menggerakkan anggota masyarakat untuk memahami dan seterusnya turut serta dalam agenda pembangunan negara. Sehingga kini KKMM masih meneliti dengan mendalam tentang struktur komuniti ini yang baharu dan lebih menyeluruh dan komprehensif

**SOALAN-SOALAN LISANYANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020**

YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)

SOALAN 26 (A30)

Adakah kerajaan negeri Johor akan mengkaji semula Pekeliling berkenaan Bantuan Bencana Kebakaran daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang mana pemilik rumah tidak mendapat bantuan setimpal berbanding dengan penyewa rumah berkenaan?

JAWAPAN YB PUAN ZAITON BINTI ISMAIL

Kerajaan Negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor telah mengkaji semula Pekeliling berkenaan Bantuan Bencana Kebakaran pada tahun 2017. Susulan kajian semula Pekeliling berkenaan, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Bil: 1824/2017 bertarikh 19/10/2017 telah meluluskan bantuan berbentuk wang sagu hati sebanyak RM500.00 kepada pemilik rumah yang mengalami kebakaran akibat disewakan bagi mengambil kira perkhidmatan sosial tuan rumah kepada penyewa. Keputusan ini adalah selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor pada 19 Oktober 2017.

**SOALAN-SOALAN LISANYANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020**

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN 27 (A81)

Sektor restoran merupakan salah satu sektor yang menghadapi penurunan perniagaan akibat wabak Covid-19. Apakah usaha kerajaan untuk menolong mereka merencanakan perniagaan mereka?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Penularan wabak COVID-19 telah yang semakin meningkat baru-baru ini di beberapa negeri telah mengakibatkan Kerajaan terpaksa melaksanakan PKPB. Ia menimbulkan risiko keselamatan dan kesihatan awam yang serius di seluruh dunia. Dengan perintah kawalan pergerakan ini, kelangsungan hidup rakyat agak terjejas termasuklah sektor restoran.

Restoran adalah salah satu aktiviti perniagaan di bawah sektor peruncitan. Pihak kerajaan telah memberikan kebenaran kepada kedai makan/restoran beroperasi secara '*dine in*' (dihadkan 2-4 orang satu meja dengan penjarakan 1 meter) dengan mengikuti SOP yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negera (MKN). Walau bagaimanapun, orang ramai digalakkan untuk membeli makanan secara pandu lalu, penghantaran atau '*take away*' (bungkus) sahaja.

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), aktiviti kedai makan/restoran lebih berdaya saing berbanding aktiviti yang lain kerana pihak peniaga lebih kreatif untuk memasarkan penjualan mereka. Antaranya penggunaan platform urusanniaga melalui '*Grab Food*' dan '*Food Panda*' amat membantu para peniaga meningkatkan hasil jualan mereka. Secara tidak langsung para peniaga tidak terdedah dengan wabak COVID -19 kerana kurang pendedahan dengan pelanggan.

**SOALAN-SOALAN LISANYANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 28 (A83)**

Apakah bantuan yang sedang dan akan diberi kepada pelajar-pelajar yang terpaksa belajar dari rumah terutama bagi golongan B40 dari kawasan pinggir bandar?

JAWAPAN YB TUAN HAJI MAZLAN BIN BUJANG

1. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sangat komited dalam usaha memberikan akses pembelajaran dari rumah terutama bagi golongan B40 kawasan pinggir bandar dengan menyokong pembelajaran berdasarkan pembelajaran dari Slot TV Pendidikan yang ditayangkan setiap hari di RTM, TV Okey dan Astro TV Tutor.
2. Jabatan Pendidikan Negeri Johor telah menghasilkan 25 slot rakaman video standard *broadcasting* TV Pendidikan bagi tujuan tayangan di Saluran TV Okey, RTM dengan tumpuan kepada mata pelajaran peperiksaan awam SPM dan STPM sepanjang tempoh PKP dan 8 slot telah ditayangkan.
3. Pelan Data 1GB yang dibekalkan Kerajaan sehingga 31/12/2020 juga membantu murid-murid memuat turun bahan-bahan yang dibekalkan guru menggunakan aplikasi *WhatsApp*, *Telegram* dan *Microsoft Kaizala* yang menggunakan data yang rendah berbanding kaedah *streaming pedagogy*.
4. Sokongan Bahan Bacaan Tambahan (BBT) yang diperuntukkan KPM berjumlah RM118,440.00 membantu sekurang-kurangnya 50 buah Sekolah Rendah untuk dimanfaatkan sebagai alternatif pembelajaran di rumah.
5. Bagi golongan B40 yang memiliki peranti, Jabatan Pendidikan Negeri Johor juga telah menyediakan alternatif capaian kandungan pembelajaran dalam talian menerusi Gerbang Pembelajaran Digital yang boleh diakses guru dan murid menggunakan ID DELIMA yang dibekalkan KPM melalui <https://sites.google.com/view/kioskdpdpdigital>
6. Di samping itu, Jabatan Pendidikan Negeri Johor juga telah menyediakan inisiatif Saluran YouTube CikgootUBE Johor yang mempunyai lebih 380 buah kandungan video mata pelajaran terpilih yang dihasilkan guru-guru negeri Johor bagi tujuan kandungan pembelajaran sendiri murid secara dalam talian dan boleh dilayari menerusi pautan <https://sites.google.com/view/cikgootube-johor>

**SOALAN-SOALAN LISANYANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020**

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)

SOALAN 29 (A174)

Jika kita lihat ramai penjaja kecil tepi jalan yang tidak berlesen dengan PBT kawasan. Mereka adalah golongan B40 berpendapatan di bawah RM3,000 sebulan. Apakah kerajaan mempunyai data dan membuat kajian bagaimana untuk membantu golongan B40 ini?

JAWAPAN YB TUAN HAJI AYUB BIN JAMIL

Kerajaan Negeri mengambil maklum berhubung kewujudan penjaja kecil tepi jalan dan tidak berlesen di sekitar kawasan PBT Negeri Johor. Sehubungan itu, bagi menyahut saranan Perdana Menteri Malaysia yang meminta ketua jabatan dan agensi kerajaan mengambil langkah mempermudah semua urusan dalam usaha mempercepat pemulihan ekonomi negara seperti permohonan dan pembaharuan lesen tidak dilengahkan serta mempermudah prosedur dengan mengambil langkah yang sewajarnya.

Justeru itu, PBT Negeri Johor memberikan kelonggaran kepada penjaja tepi jalan yang tidak berlesen untuk beroperasi dan mewujudkan kawasan perniagaan yang baru di lokasi yang bersesuaian serta tambahan waktu operasi pasar pagi dan pasar malam bagi memberi peluang kepada golongan terjejas ini menampung pendapatan harian mereka.

Pada masa yang sama, PBT turut menjalankan penguatkuasaan bagi tujuan memastikan lokasi-lokasi perniagaan ini tidak melanggar mana-mana arahan dan menimbulkan kacau ganggu di kawasan tersebut serta para peniaga mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan. PBT juga memberikan kelonggaran kepada peniaga yang tidak memiliki lesen penjaja untuk menjalankan perniagaan. Namun begitu, penjaja terbabit disarankan untuk memohon lesen perniagaan dan proses kelulusan lesen diperingkat PBT turut dipermudahkan dan dipercepatkan bagi membantu golongan B40 memulakan perniagaan.

Selain daripada itu, berdasarkan Pakej Rangsangan Ihsan Johor 2020 memutuskan agar bayaran lesen perniagaan dikecualikan bagi tahun 2020. Jika ada peniaga yang telah membuat pembayaran lesen perniagaan bagi tahun 2020, ianya akan diselaraskan dengan bayaran lesen perniagaan tahun 2021.

Seterusnya, Kerajaan Negeri juga bersetuju bagi memberikan insentif pengecualian bayaran sewa premis bermula pada bulan April hingga Disember 2020 kepada golongan peniaga yang menyewa premis milik PBT dan pasar awam. Peniaga-peniaga pasar pagi dan malam di kawasan PBT seluruh negeri Johor juga diberikan pengecualian bayaran sewa tapak bagi tempoh April hingga Oktober 2020 dengan anggaran kos sebanyak RM2.45 juta.

**SOALAN-SOALAN LISANYANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020**

YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)

SOALAN 30 (A67)

Berdasarkan kertas jawapan kerajaan dalam sidang yang lepas, tahun 2020 luas kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) yang dilesenkan 673.96 hektar, jadi hasil purata RM2,478 per ekar. Mengapakah angka ini tersangat rendah dan tidak munabah?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Senggarang**, maklumat hasil yang dikemukakan ketika Mesyuarat Kedua Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ke-14 yang lalu adalah merupakan nilai kutipan hasil sehingga 31 Ogos 2020, iaitu sebanyak RM4,126,861.79 yang mana kerja-kerja pembalakan pada ketika itu masih belum selesai dan dijangka sehingga berakhirnya tahun 2020 jumlah kutipan hasil yang akan diperolehi melebihi RM6 juta.

Jumlah yang dinyatakan juga tidak termasuk bayaran premium pembalakan yang telah dibayar sebelum tahun 2020.

Untuk makluman dewan yang mulia, kutipan hasil daripada aktiviti pembalakan adalah melalui bayaran premium pembalakan, royalti (cukai), ses pembangunan hutan (ses) dan bayaran-bayaran lain yang berkaitan dengan penyediaan kawasan lesen dan pelesenan.

Bayaran premium adalah tetap dan perlu dijelaskan sebelum pelesenan atau kerja pembalakan dimulakan. Manakala kutipan royalti dan ses adalah bergantung kepada pengeluaran yang mana kadar kutipan bergantung kepada spesies/jenis dan isipadu kayu yang dikeluarkan.

Kutipan hasil pada tahun ini berkurangan juga turut dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya, Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada awal tahun ini. di mana aktiviti pembalakan, termasuk pengeluaran kayu tidak dapat dibenarkan keluar di samping faktor cuaca yang menyebabkan pengeluaran kayu tidak dapat dilakukan.

**SOALAN-SOALAN LISANYANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020**

YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)

SOALAN 31 (A70)

Adakah kerajaan bersedia untuk membentuk badan penyiasat bebas yang terdiri pakar-pakar pengurusan dan perkayuan untuk menyiasat sebarang bentuk penyelewengan dalam industri pembalakan di Negeri Johor?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Dewan yang mulia, kerajaan negeri tidak berhasrat untuk melantik badan penyiasat bebas dalam industri pembalakan kerana Jabatan Perhutanan Negeri Johor selaku agensi yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan mentadbir Hutan Simpanan Kekal (HSK) di negeri Johor telah mematuhi peraturan dan perundangan yang ditetapkan.

Di samping itu juga, Jabatan Perhutanan Negeri Johor tertakluk kepada Audit Pensijilan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan di bawah Skim Pensijilan Perkayuan Malaysia (Malaysian Timber Certification Scheme - MTCS) yang diuruskan oleh Majlis Pensijilan Kayu Kayan Malaysia (Malaysian Timber Certification Council - MTCC). Dalam hubungan ini, pengurusan hutan di negeri Johor termasuk aktiviti pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal tertakluk kepada pengauditan oleh Juruaudit Bebas yang dilantik oleh MTCC.

Berdasarkan rekod Jabatan Perhutanan Negeri Johor pengauditan Pensijilan Hutan di Negeri Johor telah bermula pada tahun 2010 yang mana pada peringkat awal telah diaudit oleh SGS (Malaysia) Sdn. Bhd. dan JPN Johor berjaya memperolehi Sijil Pengurusan Hutan Secara Berkekalan.

Pelaksanaan audit ini dilakukan pada setiap tahun bagi memastikan semua kriteria dan indicator berkaitan pensijilan dipatuhi. Pada tahun 2020, JPN Johor telah diaudit oleh juruaudit bebas iaitu Sirim QAS Sdn. Bhd. dan telah berjaya memperolehi sijil berkuat kuasa bermula 3 Julai 2020 hingga 2 Julai 2025.

Dalam hubungan ini, Kerajaan Negeri bersedia untuk bekerjasama dengan mana-mana badan penyiasat seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi memastikan ketelusan dalam Pengurusan Hutan terutamanya dalam kawasan pembalakan.

**SOALAN-SOALAN LISANYANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020**

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 32 (A119)

Apakah perkembangan Johor Economic Taskforce (JET) dan Jawatan Kuasa Reformasi Ekonom Negeri (SERC) dalam pelaksanaan polisi reformasi ekonomi?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Yang Berhormat Mengkibol, Mesyuarat pertama Majlis Tindakan Ekonomi Negeri atau *Ibrahim Johor Economic Council* (IJEC) (dengan izin) yang pertama telah diadakan pada 6 Julai 2020 yang lepas.

Menerusi mesyuarat tersebut terdapat beberapa perkara utama yang melibatkan polisi serta inisiatif yang disyor oleh ahli-ahli mesyuarat yang terdiri daripada pakar-pakar dan individu berpengalaman dalam pelbagai untuk dilaksanakan oleh kerajaan negeri.

Antara inisiatif utama yang telah disyor dan sedang dilaksanakan adalah sebagaimana berikut:

Di dalam usaha menyokong sektor-sektor utama yang menyumbang terhadap pertumbuhan ekonomi negeri Johor dan mengurangkan impak kesan penularan wabak COVID-19, kerajaan negeri telah meningkatkan bentuk kerjasama di antara pihak kerajaan persekutuan.

Antaranya, permohonan bagi program rentas sempadan Malaysia dan Singapura kepada pelawat antrabangsa bagi tujuan sektor terpilih dan pekerja berisiko rendah seperti sektor pendidikan dan kesihatan seperti yang turut disampaikan menerusi mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi yang telah dijalankan pada 19 Oktober 2020 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Lanjutan dari sesi itu, sebuah "*Special Taskforce Committee*" (dengan izin) telah diwujudkan oleh kerajaan persekutuan menerusi Kementerian Sumber Manusia bagi penyediaan satu data komprehensif pekerja Malaysia di Singapura dan mengenal pasti strategi dan pelan tindakan bagi menangani isu pekerja Malaysia di Singapura yang mana di antara 50%- 80% menetap di negeri Johor. Kerajaan negeri dengan kerjasama agensi di peringkat persekutuan seperti IRDA, Jabatan Tenaga Kerja, PERKESO, Jabatan Pembangunan Kemahiran

Kerajaan negeri turut telah mengemukakan permohonan kepada pihak kerajaan persekutuan menerusi skim PENJANA RM91 juta bagi sektor pertanian bagi menyokong agenda "*Food Security*" (dengan izin) negeri Johor.

Menerusi agenda ini, kerajaan negeri berhasrat memastikan jaminan bekalan makanan dengan pengurangan import serta sebagai salah satu sumber baru bagi kerajaan negeri.

**SOALAN-SOALAN LISANYANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020**

Selain itu selari dengan situasi semasa, kerajaan negeri turut mengemukakan permohonan sebanyak RM254 juta kepada pihak PENJANA bagi menyokong sektor keusahawanan khususnya di dalam membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di negeri Johor mengembangkan perniagaan mereka termasuk aspek latihan dalam bidang digital.

Di samping itu, selaras dengan syor penyediaan *Industrial Transformation Masterplan*, kerajaan negeri menerusi Invest Johor sedang di dalam proses penyediaan Pelan Induk Pelaburan Negeri Johor 2030 yang akan dijadikan asas rujukan bagi memacu lanskap sektor pelaburan di negeri Johor, khususnya bagi menarik pelaburan berimpak tinggi.

Usaha ini turut disokong dengan penubuhan *Johor Economic, Trade and Cultural Office* (JETCO) (dengan izin) di Singapura yang telah dipersetujui oleh kerajaan baru-baru ini dan dijangka akan mula beroperasi pada tahun hadapan.

Hasil dari sesi itu juga, kerajaan negeri telah menubuhkan Majlis Digital Negeri Johor yang berperanan bagi memacu pertumbuhan ekonomi negeri Johor ke arah negeri mampan berasaskan teknologi dan digital. Mesyuarat pertama telah diadakan pada 19 November 2020.

Bagi memacu sektor hartanah yang sangat terjejas pada tahun 2019, kerajaan persekutuan dengan kerjasama kerajaan negeri telah merancang dan melaksanakan beberapa projek berimpak tinggi seperti *Rapid Transit System, High Speed Rail, Pagoh Economic Zone* (dengan izin) selain jangkaan operasi projek RAPID di Pengerang pada tahun hadapan.

Cadangan awal kerajaan untuk menubuhkan Johor Economic Taskforce (JET) dan Jawatan Kuasa Reformasi Ekonomi Negeri (SERC) akan diselaraskan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negeri atau *Ibrahim Johor Economic Council* (IJEC). Kerajaan negeri akan terus meningkatkan bentuk kerjasama dan kolaborasi dengan pihak industri untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif yang mampu melonjakkan pertumbuhan ekonomi negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISANYANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020**

YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)
SOALAN 33 (A204)

Senaraikan projek-projek bekalan air bawah RMK10 dan RMK11 yang dirancang, dengan menyatakan anggaran projek dan tarikh siap dan gagal, perbelanjaan sebenar dan sebab kegagalan atau tidak diteruskan projek berkenaan.

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Antara projek-projek bekalan air yang dilaksanakan di bawah RMK-10 dan RMK-11 oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air dan Kementerian Alam Sekitar dan Air adalah sebagaimana berikut:

BIL	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	STATUS PELAKSANAAN
1	Pembinaan Empangan Kahang, Kluang, Johor	105,000,000	Tarikh siap pada 14 Mei 2017
2	Pembinaan Baraj, Johor	96,000,000	Tarikh siap pada 31 Mac 2018
3	Projek menaik taraf Empangan Congok, Mersing	6,000,000	Tarikh siap pada 15 Mei 2018
4	Projek ORS Sg Johor (Takungan Air Pinggiran Sungai -TAPS)	407,400,000	Dalam pelaksanaan Kajian Kemungkinan dan Rekabentuk
5	Projek Penyaluran Air Layang 2, Fasa 1	152,600,000	Peringkat Kontraktor oleh Kementerian
6	Pembinaan Baraj Sungai Sedili Besar	2,500,000	Dalam pelaksanaan Kajian Kemungkinan
7	Pembinaan Empangan Pantai (Coastal Reservoir) Sungai Johor dan Sungai Lebam	2,500,000	Dalam pelaksanaan Kajian Kemungkinan
8	Pembangunan Sumber Air di Sungai Pontian Besar dan Pembinaan Baraj Sungai Pulai	2,500,000	Dalam pelaksanaan Kajian Kemungkinan
9	Projek Penyaluran Air Mentah Iskandar Malaysia (PAMIM)	560,000,000	Selesai Kajian Kemungkinan Pada 8 Mei 2017
10	Pembinaan Barrage Sg Muar	180,000,000	Selesai Kajian Kemungkinan Pada 8 Mei 2017
11	Projek Pembinaan Empangan Mersing	150,000,000	Selesai Kajian Kemungkinan pada 3 Januari 2018

**SOALAN-SOALAN LISANYANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020**

Manakala bagi projek-projek bekalan air luar bandar yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar adalah sebagaimana berikut:

BIL	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	STATUS PELAKSANAAN
1.	Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Bagi Negeri Johor Tahun 2015 (ZON 1) / Penderam	7,000,000	Telah siap pada tahun 2018 dan diserahkan kepada pihak RSAJ
2.	Melaksanakan Projek Bekalan Air Di Kampung Orang Asli Sedohok, Sembrong	4,800,000	Dalam proses perolehan di KPLB HQ. Sekiranya tiada halangan dijangka akan ditender pada Januari 2021
3.	Projek Pembinaan Tangki Air Bukit Naning, Muar	5,230,000	Dalam proses pembinaan. Kemajuan kerja 31.75% Pelaksanaan hingga Tahun 2021
4.	Memasukkan Bekalan Air (BALB) Di Kg Tersusun Murni Jaya (Kg Semangat Bersatu)	458,976	Telah siap pada tahun 2020 dan diserahkan kepada pihak RSAJ

**SOALAN-SOALAN LISANYANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020**

YB TUAN HAJI ABD TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)

SOALAN 34 (A27)

Apakah usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri Johor terhadap rumah kuarters kerajaan negeri yang difahamkan masih kedapatan tidak dihuni sehingga sekarang?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Terima kasih kepada **Yang Berhormat Machap** di atas soalan yang dikemukakan. Izinkan saya menjawab soalan berkaitan rumah kuarters kerajaan negeri yang tidak berpenghuni.

Untuk makluman dewan yang mulia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Khidmat Pengurusan) adalah jabatan yang bertanggungjawab untuk menguruskan kuarters kerajaan negeri di dalam kawasan daerah Johor Bahru sahaja.

Untuk pencerahan, terdapat dua (2) jenis rumah kuarters yang ditawarkan iaitu jenis "Landed" dan "Strata". Penempatan penghuni adalah berdasarkan kelayakan gred yang ditetapkan. Jumlah keseluruhan unit kuarters Kerajaan Negeri Johor Daerah Johor Bahru sehingga 15 November 2020 adalah sebanyak **534 unit** iaitu **340 unit** berstatus "Landed" dan **194 unit** berstatus "Strata".

Perinciannya adalah sebanyak **304 unit** kuarters berpenghuni, **21 unit** dalam proses mengeluarkan surat tawaran dan baki sebanyak **15 unit** masih belum diisi. Bagi kategori kuarters "Landed", permohonan yang diterima oleh pentadbiran ini adalah sangat tinggi dan keperluan untuk penawaran adalah terhad.

Untuk makluman **Yang Berhormat Machap**, kekosongan kuarters bagi kategori "Landed" sebanyak **16 unit** disebabkan oleh proses penghuni yang keluar rumah dan memerlukan pembaikan kecil sebelum ditawarkan semula kepada penghuni lain iaitu sebanyak **8 unit** di kawasan **Kelas C (5 unit)**, **Kelas E (1 unit)** dan **Taman Nusantara (2 unit)**. Manakala, bagi **8 unit lagi** di **Kelas H (6 unit)** dan **Kelas G (2 unit)**, kuarters tersebut tidak lagi dibuka untuk sebarang permohonan kerana kuarters tersebut telah disahkan oleh pihak teknikal bahawa tidak selamat untuk diduduki.

Laporan pihak teknikal telah mengesahkan bahawa kuarters tersebut sudah tidak ekonomik untuk dibaiki kerana bahagian struktur utama bangunan tersebut didapati telah reput dan kawasan tersebut sering ditenggelami banjir setiap kali berlakunya hujan lebat. Pihak pentadbiran ini bercadang untuk melupuskan kuarters tersebut pada tahun 2021.

Bagi kuarters jenis kategori "Strata", berdasarkan rekod sehingga 15 November 2020 menunjukkan bahawa sebanyak **152 unit** telah diisi penghuni, **17 unit** dalam proses mengeluarkan surat tawaran dan baki sebanyak **15 unit** masih belum diisi.

**SOALAN-SOALAN LISANYANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020**

Kekosongan kuarters bagi kategori “Strata” sebanyak **25 unit** adalah disebabkan oleh :

Pertama, proses penghuni yang keluar rumah dan perlu dilakukan pembaikan kecil sebelum ditawarkan semula kepada penghuni lain.

Kedua, kurang permintaan/permohonan dari pemohon disebabkan oleh beberapa faktor:

- a) Rumah bertingkat
- b) Yuran penyenggaraan
- c) Masalah kebocoran paip didalam bangunan
- d) Parking yang terhad
- e) Kawasan persekitaran yang kurang selamat

Untuk makluman dewan yang mulia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Khidmat Pengurusan) sedang bekerjasama dengan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI) dalam menyediakan kertas kerja berhubung cadangan penjualan kuarters kerajaan berstatus strata di daerah Johor Bahru. Cadangan ini adalah berdasarkan beberapa perkara yang sering berbangkit dan membebankan kerajaan negeri iaitu:

Pertama, bayaran yuran penyenggaraan ini lazimnya dijelaskan oleh penghuni kuarters melalui potongan gaji yang dibuat secara bulanan. Walau bagaimanapun, tidak semua kuarters Kerajaan Berstatus Strata ini dihuni sepanjang masa.

Kedua, caj yuran penyenggaraan ke atas petak hak milik strata tetap akan dikenakan oleh Perbadanan Pengurusan walaupun kuarters tersebut tidak berpenghuni. Perkara inilah yang menjadi punca kepada peningkatan jumlah bayaran tunggakan penyenggaraan dari semasa ke semasa apabila tiada pemotongan gaji dibuat keatas unit kuarters yang tidak berpenghuni.

Kuarters dalam keadaan tidak berpenghuni apabila;

- a) Berlaku proses pengosongan dan kemasukan penghuni. Dalam tempoh ini, ianya akan melibatkan proses pembaikan kerosakan yang terdapat pada kuarters tersebut sebelum ditawarkan kepada penghuni baru apabila siap dibaiki.
- b) Terdapat kuarters yang tidak lagi ditawarkan penyewaan disebabkan oleh isu keselamatan dan keadaan kuarters yang memerlukan kos pembaikan yang tinggi serta tidak ekonomik untuk dibaiki.

**SOALAN-SOALAN LISANYANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020**

YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPPIAH (BEKOK)

SOALAN 35 (A16)

IRDA menyasarkan 3 juta penduduk di Iskandar Malaysia menjelang 2025. Sehingga kini populasi Iskandar adalah 1.8 juta sahaja. Adakah IRDA dapat merealisasikan sasaran penduduk sebanyak 3 juta di Iskandar Malaysia menjelang 2025. Apakah tindakan/usaha yang diambil untuk merealisasikan sasaran tersebut?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman **Yang Berhormat Bekok**, Jumlah 1.8 juta penduduk adalah anggaran kasar kependudukan atau populasi Iskandar Malaysia pada suku pertama 2017. Rujukan terkini statistik kependudukan boleh dibuat melalui Laporan Ekonomi Negeri Johor 2018/2019, yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Ekonomi Negeri Johor (BPENJ), anggaran populasi Iskandar Malaysia sehingga tahun 2018 adalah 2.16 Juta dengan pertumbuhan sebanyak 3.4%.

Jumlah ini tidak jauh berbeza dengan unjuran penduduk oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang dilaporkan di dalam "Poket Stats Negeri Johor" bagi suku Ketiga Tahun 2020, yang mana terdapat pecahan bagi daerah-daerah di dalam wilayah Iskandar Malaysia iaitu Johor Bahru, Kulai dan Pontian. Unjuran terkini dibuat berdasarkan Semakan Semula berasaskan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia.

Sebagai koridor pembangunan ekonomi utama di negeri Johor, Iskandar Malaysia telah menunjukkan rekod yang cemerlang di dalam menarik pelaburan dan seterusnya mencipta peluang pekerjaan yang membuka peluang kepada seluruh rakyat negeri Johor untuk berpindah ke wilayah ini.

Untuk makluman dewan yang mulia, secara tidak langsung, peluang ini mampu untuk menarik bakat-bakat daripada negeri ataupun negara lain untuk berpindah ke wilayah ini. Jumlah pelaburan kumulatif keseluruhan di Iskandar Malaysia daripada 2006 sehingga Jun 2020 telah pun mencecah nilai sebanyak RM322.1 bilion, manakala jumlah pekerjaan baharu yang dicipta adalah lebih 750,000.

Sokongan serta usaha berterusan bersama antara Kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Pusat akan dimanfaatkan sepenuhnya oleh IRDA dalam usaha memastikan sasaran pembangunan ekonomi wilayah ini dapat dicapai walaupun negara sedang menghadapi cabaran untuk merencanakan semula ekonomi disebabkan pandemik Covid-19.

Malah, inisiatif Majlis Ekonomi Ibrahim Johor serta Johor Investment Company (JICO) yang merupakan salah satu ikhtiar daripada 7 Ikhtiar Makmur Johor akan membantu mengukuhkan lagi usaha IRDA untuk menarik lebih banyak pelaburan ke wilayah ini.

**SOALAN-SOALAN LISANYANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020**

Menerusi Belanjawan 2021, Kerajaan Pusat juga telah melanjutkan pemberian insentif cukai sedia ada Iskandar Malaysia sehingga tahun 2022 yang dilihat mampu untuk meningkatkan keyakinan pelabur.

Selain itu, Kerajaan Pusat turut memperuntukkan sejumlah RM100 Juta kepada IRDA dan SEDIA untuk Program *reskilling dan upskilling* yang akan memartabatkan pembangunan modal insan serta meningkatkan kebolehpasaran rakyat Johor, sekali gus mengekalkan bakat dan tenaga kerja untuk menetap di wilayah ini.

**SOALAN-SOALAN LISANYANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020**

YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)

SOALAN 36 (A115)

Apakah statistik terkini dan usaha-usaha kerajaan negeri bagi membendung kejadian jenayah seperti samun, rompak dan pecah rumah seluruh negeri Johor khususnya pasca PKP yang lalu ?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Untuk makluman Dewan yang mulia, berdasarkan statistik yang dikongsikan oleh Kontinjen Johor, kes samun bagi tempoh Januari hingga Oktober 2020 mencatatkan penurunan kes sebanyak -33.6 peratus dan kes pecah rumah turut menyaksikan penurunan kes sebanyak -6.29 peratus bagi tempoh sama Januari hingga Oktober 2019.

Bagi kes jenayah indeks dan pecah rumah di Kontinjen Johor semasa pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menunjukkan penurunan sebanyak -24.4 peratus, di mana kes samun berkurangan sebanyak -43.55 peratus, manakala kes pecah rumah berkurangan sebanyak -9.39 peratus.

JENIS KESALAHAN	KES JENAYAH INDEKS JAN-OKT 2020				KES JENAYAH INDEKS SEPANJANG TEMPOH PKP			
	JAN - OKT 2019	JAN - OKT 2020	-/+	%	18/3 - 31/10/19	18/3 - 31/10/20	-/+	%
SAMUN B'KWN BERSENJATAPI	1	1	0	0.00	1	1	0	0.00
SAMUN B'KWN T/SENJATAPI	616	386	-230	-37.34	453	237	-216	-47.68
SAMUN BERSENJATAPI	1	0	-1	100.00	1	0	-1	100.00
SAMUN TANPA SENJATAPI	272	204	-68	-25.00	204	134	-70	-34.31
JUMLAH KES SAMUN	890	591	-299	-33.60	659	372	-287	-43.55
PECAH RUMAH	1,112	1042	-70	-6.29	841	762	-79	-9.39
JUMLAH KES SAMUN DAN PECAH RUMAH	2,002	1,633	-369	-18.43	1,500	1,134	-366	-24.4

**SOALAN-SOALAN LISANYANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020**

YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE (BUKIT BATU)

SOALAN 37 (A66)

Berapakah akaun pengguna yang mendapat manfaat daripada Skim Pemberian Air Percuma dan adakah kerajaan berhasrat untuk meneruskan Skim ini pada tahun depan?

JAWAPAN YAB MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, izinkan saya menjawab soalan daripada **Yang Berhormat Bukit Batu** berkaitan manfaat yang diterima oleh pemegang akaun menerusi Skim Pemberian Air Percuma.

Untuk makluman dewan yang mulia, sehingga September 2020, sebanyak 159,137 pemegang akaun Ranhill SAJ telah pun menerima mafaat daripada Skim Pemberian Air Percuma. Menerusi skim ini, pemegang akaun dapat menikmati air percuma bagi 10 meter padu setiap bulan untuk golongan berpendapatan rendah (B40) yang melibatkan pendapatan isi rumah bawah RM4,000 sebulan.

Untuk makluman **Yang Berhormat Bukit Batu** juga, Ranhill SAJ masih lagi meneruskan pemberian rebat air sebanyak 25 meter padu kepada seramai 3,209 penerima di kalangan golongan yang tersenarai di dalam senarai e-Kasih.

Setakat hari ini, kerajaan negeri tidak mempunyai cadangan untuk menarik balik skim ini memandangkan skim ini masih relevan dan dapat membantu meringankan beban rakyat, lebih-lebih lagi dalam suasana penularan pandemik COVID-19 pada hari ini.